

PERHIMPUNAN BERSAMA KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

PIHAK pengurusan adalah berperanan dalam menyampaikan matlamat dan dasar ke arah melicinkan urusan pelaksanaan program tahunan yang dirancang ke arah mencapai kejayaan yang lebih cemerlang bagi sesebuah organisasi. Dalam hubungan ini, pada 4 Januari 2002, JUPEM telah mengadakan Majlis Perhimpunan bersama Ketua Pengarah bertempat di Dewan Ukur Ibu Pejabat, Kuala Lumpur.

Majlis ini telah dihadiri oleh lebih 400 orang yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan Tertinggi, Ketua Seksyen dan kakitangan di peringkat Ibu Pejabat JUPEM WP Kuala Lumpur. Aturcara dimulakan dengan bacaan ikrar Kod Etika JUPEM yang diketuai oleh Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) Tuan Haji Muhamed Kamil Mat Daud.

Di perhimpunan ini, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali telah menyampaikan ucapan dasar yang menjadi agenda utama untuk dilaksanakan dalam tahun 2002. Pelbagai perkara telah disentuh mencakupi pelaksanaan dasar, program-program pembangunan serta pencapaiannya di samping menganalisis pencapaian dan kejayaan di tahun-tahun yang lepas.



Berikut adalah sedutan ringkas ucapan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia:

JUPEM telah berjaya mencatat pelbagai kejayaan yang seharusnya dijadikan pemangkin

oleh seluruh warga JUPEM untuk terus berusaha dengan lebih gigih sebagai persediaan bagi menghadapi situasi masa hadapan yang lebih mencabar. Dengan berpegang kepada prinsip bahawa setiap anggota

Bersambung ke m/s 4



Sidang Pengarang

Penaung

Dato' Hamid Ali,
DIMP, KMN, PMC, PJC

Penasihat

Chia Wee Tong, JSM, KMN

Pengerusi

Dr. Abdul Kadir Taib, SDK, KMN

Ketua Pengarang

Mohd Shariffudin Adnan

Pengarang

Ramli Nor
Sukeri Miskon
K. Sivaganam

Ketua Rekabentuk/Pencetak

Muhammat Puzi Ahmat, KSD

Makluman

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Berita Ukur ini tidak semestinya pendapat rasmi Pentabiran Jabatan. Sidang Pengarang Berita Ukur mengalu-alukan sumbangan dari pembaca.

Segala bahan-bahan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan dialamatkan kepada:

Pengerusi

Penerbitan Berita Ukur
Tingkat 4,
Bangunan Ukur
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur
Tel: 03-26170800
Fax: 603-26933618

Renungan

Paksalah diri sendiri, sedikit demi sedikit membuang sifat takabur, sombong dan suka b e r m e g a h - m e g a h . Perhatikan dan contohi orang lain yang sedia merendah diri. Tiada sebarang faedah didapati daripada sifat sombong atau angkuh: dan tiada sebarang kerugian kepada seseorang yang merendah diri.

Rencana Pengarang

SIFAT ikhlas melambangkan kesucian terhadap sesuatu kebajikan mahupun pekerjaan sama ada yang berhubung dengan Pencipta atau sesama manusia. Justeru itu, tanpa sifat keikhlasan ini, sesuatu pekerjaan atau kebajikan yang dilakukan itu hanya kosong dan tidak mempunyai sebarang nilai atau kepuasan yang hakiki. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian daripada ketenangan jiwa seseorang itu bergantung kepada kepuasan atau keikhlasan ketika melakukan pekerjaan. Ikhlas adalah suatu anugerah dan tidak semua manusia menerima nikmat ikhlas ini.

Keikhlasan seseorang banyak bergantung kepada nilai-nilai murni dalaman yang dihidupkan oleh diri insan itu sendiri. Di sinilah nilai-nilai keikhlasan akan mula berputik untuk membuah hasil yang tidak ternilai harganya. Keikhlasan hati ini tidak terbatas kepada sesuatu perbuatan sahaja, namun ianya mencakupi seluruh perbuatan dan perilaku manusia seluruhnya. Ia turut melibatkan segala tindakan seseorang seperti tutur kata, perilaku, pekerjaan dan sebagainya.

Justeru, dalam sebuah organisasi seperti JUPEM, keikhlasan merupakan elemen penting dalam menerapkan semangat perpaduan di kalangan anggotanya. Semangat perpaduan dan kerjasama yang berterusan adalah asas dalam mengekalkan JUPEM sebagai sebuah organisasi yang dinamik, unggul seterusnya melakar nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kita amat bertuah kerana berada dalam sebuah organisasi yang melebihi 115 tahun berpengalaman dalam urus tadbir melaksanakan aktiviti ukur dan pemetaan. Dengan ini, JUPEM lebih dewasa dan mempunyai keseimbangan kakitangan dalam pelbagai kepakaran yang dapat menjalankan tugas secara terancang dan sempurna. Keadaan ini boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada proses pembelajaran organisasi yang akhirnya mampu menjana ilmu (knowledge creation) dalam meningkatkan daya saing individu dan organisasi.

Oleh yang demikian, sebagai anggota yang bertanggungjawab, seharusnya kita menghindarkan budaya mementingkan diri, dengki dan pelbagai sikap negatif lain yang bertentangan dengan persetujuan daripada Kod Etika serta Surat Aku Janji yang telah dimetarai. Dalam ruang lingkup yang wujud dalam organisasi, kita harus peka dan dapat mengawal diri daripada terperangkap atau tersasar dengan pelbagai pemesongan. Yang pasti kita bersedia mengakui kesilapan dan berusaha memperbaiki kelemahan diri. Budaya ini membolehkan kita melaksanakan tugas harian dalam suasana selesa dan bebas daripada sebarang masalah, gangguan atau penghalang serta dapat menjadikan aktiviti harian sebagai ibadah ke arah keredaan Allah.

Mesyuarat Pengurusan JUPEM 1/2002

tandatangani Surat Akujanji dan Sasaran Kerja Tahunan

SESUATU kejayaan tidak akan dapat dicapai dan memenuhi kehendak sasaran tanpa disertai dengan pengurusan yang cekap dan teratur. Menyedari hakikat ini, JUPEM telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan pada 17 - 18 Januari 2002 di Berjaya Tioman Resort, Pahang bagi membincang dan merangka perancangan ke arah melicinkan lagi urus tadbir JUPEM secara keseluruhan dan dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi, semua Pengarah Ukur Negeri dan Ketua Seksyen.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Y. Bhg Dato' Hamid Ali ini membincangkan secara terperinci prestasi dan kemajuan yang dicapai pada tahun 2001 dan menetapkan matlamat bagi tahun 2002. Kemajuan yang dibincangkan meliputi aktiviti ukur geodetik, pemetaan, pengukuran hakmilik, persempadanan antara negeri-negeri dan antarabangsa. Melalui kaedah ini, pihak Pengurusan JUPEM dapat mengenalpasti kejayaan dan kelemahan yang perlu diambil tindakan susulan dan perhatian.

Selain membincangkan pencapaian kemajuan aktiviti, mesyuarat ini juga membincangkan masalah kewangan dan kelancaran program pembangunan yang dilaksanakan. Pengarah-Pengarah Ukur Bahagian juga membentangkan kemajuan dan perancangan aktiviti di bahagian masing-masing.

Selain itu, peruntukan kewangan yang diperlukan dalam melaksanakan projek pada tahun 2002 juga turut dibentangkan di mesyuarat ini. Ketika menggulung perbincangan, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan telah mengulas dengan terperinci tentang prestasi yang telah dicapai di samping menyenaraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencapai matlamat sebagaimana yang telah ditetapkan.

Serentak dengan mesyuarat ini, satu majlis menandatangani Sasaran Kerja Tahunan -SKT dan Surat Akujanji bagi semua Pengarah Ukur Bahagian, Pengarah Ukur Negeri dan Ketua Seksyen berlangsung di hadapan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.



Dari m/s 1

adalah sebahagian daripada organisasi serta komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, JUPEM berkeyakinan untuk terus maju menuju era yang lebih gemilang.

Mengimbas kembali beberapa kejayaan yang lalu seperti penghargaan *Special Achivement Awards in GIS* dari pihak ESRI, USA, melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Data Kadaster, penganugerahan Sijil MS ISO 9002 oleh MAMPU dan lainnya merupakan pengiktirafan di atas kemampuan JUPEM dalam melaksanakan program dengan berkesan. Lanjutan daripada itu, JUPEM telah berjaya mengukir nama di peta dunia dan secara tidak langsung telah menonjolkan imejnya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam tahun 2001, JUPEM telah mencipta sejarah tersendiri yang banyak memberi impak positif kepada kesohorannya apabila berjaya menganjurkan dua persidangan di peringkat antarabangsa iaitu Bengkel Penggunaan Sistem Satelit Navigasi Global peringkat Asia-Pasifik dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat dan *Permanent Committee On GIS Infrastructure For Asia and The Pacific - Working Group 1 and Working Group 3 Workshop On Regional Geodesy and Cadaster*. Kejayaan ini telah meletakkan JUPEM setaraf dengan negara-negara maju lain dalam melaksana dan mengikuti perkembangan disiplin ukur dan pemetaan masakini.

Selain itu, JUPEM juga telah memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam melalui penghasilan produk baru Peta Elektronik (e-map) dan terpilih sebagai salah satu daripada lima agensi kerajaan memenangi Anugerah Laman Web Terbaik Perkhidmatan Awam Kerajaan Tahun 2001.

Ketika ini, agenda Teknologi Maklumat Komunikasi (ICT) telah membuka ruang yang luas dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penyebaran maklumat. Dalam konteks ini, tanggungjawab JUPEM adalah besar dalam membangun dan melaksanakan projek-projek yang berorientasikan mesra pelanggan ke dalam pelaksanaan Kerajaan Elektronik. JUPEM menyediakan perancangan projek



pengkomputeran jangka panjang yang komprehensif melalui *Information Technology Strategic Planning* ITSP. Dengan ini JUPEM akan lebih berupaya memperkemaskan lagi kaedah penyebaran maklumat dan memberikan perkhidmatan melalui laman web termasuk menjalankan urusaniaga *e-commerce* maklumat ukur dan pemetaan secara *on-line*

Di antara projek yang diberi keutamaan dalam ITSP adalah *outsourcing* data kadaster berdigit dan data topografi berdigit bagi Sabah dan Sarawak. Ia bertujuan bagi mewujudkan pangkalan data ukur kadaster dan data pemetaan yang kemaskini dan lengkap masing-masing menjelang tahun 2003 dan 2006.

Seterusnya Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan menyeru agar semua warga JUPEM tidak ketinggalan dan dapat mengikuti perkembangan segala pembaharuan dan pemodenan yang dilaksanakan. Setelah selesai Majlis Perhimpunan, Y. Bhg. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan bersama semua yang terlibat beredar ke Jamuan Ringan bersama pegawai dan kakitangan yang disediakan di luar Dewan.

Perhimpunan ini diadakan serentak di semua JUPEM Negeri di mana teks perutusan ucapan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dibacakan oleh Pengarah Ukur Negeri berkenaan.

Jemaah Kebajikan Islam JUPEM mengelolakan ceramah penerapan nilai-nilai Islam



matang dan berpengalaman. Menurutnya lagi, dengan jumlah keahlian yang telah mencapai 393 orang, banyak aktiviti telah dilaksanakan dan ini sememangnya memerlukan suatu organisasi yang k e m a s , pengurusan yang cekap dan mantap.

JEMAAH Kebajikan Islam JUPEM telah mengadakan Mesyuarat Agung Ke 36 pada 30 Mac 2002 bertempat di Dewan Ukur Ibu Pejabat, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini dirasmikan oleh Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) Tuan Haji Muhamed Kamil Mat Daud mewakili Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Y. Bhg. Datoí Hamid Ali.

Dalam ucapan aluan perasmian, Tuan Haji Muhamed Kamil menyatakan bahawa dalam usia yang telah mencapai 36 tahun dari penubuhannya, Jemaah Kebajikan Islam JUPEM boleh dianggap sebagai sebuah organisasi yang telah dewasa,

Lantaran itu, segala aktiviti yang berbentuk kebajikan dan keagamaan yang dijalankan oleh Jemaah secara tidak langsung diiktiraf sebagai sebahagian daripada aktiviti JUPEM. Namun begitu adalah diharapkan agar aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan kelak lebih baik daripada tahun lepas khususnya yang berkaitan dengan kebajikan ahli-ahli.

Jemaah juga mengelolakan ceramah bulanan JUPEM bagi penerapan nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam mengikut Pekeliling Am Bil: 2 Tahun 2001. Ini termasuk menentukan jadual, tajuk, penceramah dan tempatnya.



PERKEMBANGAN teknologi yang semakin canggih dan dimanfaatkan secara bijaksana akan membawa kepada kesempurnaan dalam kehidupan. Dalam hubungan ini Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Persatuan Falak Syarie Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan Seminar Penghayatan Ilmu Falak Peringkat Negeri Melaka pada 7 - 8 April 2002 bertempat di Air Keroh di Village Resort, Ayer Keroh, Melaka. Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Ahli Mesyuarat Kerajaan YB Datuk Hj. Long Md. Said mewakili Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Rustam.

Sebagai jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti falak syarie, JUPEM turut mengambil bahagian dengan membuka ruang pameran di program ini. Pameran ini telah menarik ramai pengunjung khususnya mereka yang ingin mendapatkan maklumat dan tatacara perkiraan serta peralatan yang digunakan oleh JUPEM dalam aktiviti falak syarie.

Seminar yang julung kali diadakan di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah adalah bersempena Sambutan Ma'al Hijrah, 1423 dan Pelancaran

Seminar & Pameran Falak Syarie

mendedahkan bidang astronomi dalam kehidupan



Projek Pembinaan Balai Cerap Negeri Melaka. Balai Cerap ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Mufti Negeri Melaka yang digunakan untuk aktiviti falak syarie.

Falak Syarie adalah sebahagian cabang bidang astronomi yang berkait rapat dengan beberapa praktis dan amal ibadat di dalam Agama Islam. Oleh itu, di era kebangkitan Islam ini, kita harus berusaha bagi mengembalikan semula keunggulan ilmu falak ini ke tempatnya.

Sejak tahun 1977, JUPEM telah menganggotai Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri berkaitan dengan falak syarie. Dalam Majlis tersebut, JUPEM telah memainkan peranan dalam penyediaan Kalender Islam dan penentuan Arah Kiblat dengan menggunakan kepakaran dengan kaedah terkini yang dimiliki. JUPEM juga membuat perkiraan di samping menyediakan alat dan tempat untuk cerapan hilal. Kini terdapat 26 buah tapak cerapan di seluruh negara yang digunakan untuk menentukan awal bulan hijrah khususnya bagi bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijah. Bagi maksud ini, JUPEM akan bersama kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri bagi menjalankan cerapan hilal di lokasi yang ditetapkan.



Current Situation And Expected Malaysian Economy For The Year 2002

IKLIM ekonomi yang tidak menentu sering menjadi isu perbincangan formal dan tidak formal. Dalam hubungan ini, JUPEM bersama Bahagian Ukur Tanah, Pertubuhan Juruukur Malaysia (ISM) menganjurkan Seminar Ekonomi Malaysia pada 12 Januari 2002 bertempat di Dewan Ukur, Ibu Pejabat, Kuala Lumpur.

Seminar yang dipengerusikan oleh Dr. Abdul Kadir Taib, Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan) yang juga Pengerusi Bahagian Ukur Tanah Pertubuhan Juruukur Malaysia telah mendapat sambutan menggalakkan dan berjaya

Malaysian Economy For The Year 2002' yang disampaikan oleh Prof. Dr. Mahani Zainal Abidin Pensyarah Ekonomi dari Universiti Malaya. Menurut Dr. Mahani, sejak tahun 1997 iaitu

bahawa pihak kerajaan banyak memperkenalkan program rangsangan ekonomi dalam memulihkan kelembapan ekonomi negara. Di samping itu, pihak kerajaan juga telah



menarik lebih 150 orang peserta. Seminar ini telah menampilkan penceramah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan perkembangan dan iklim ekonomi yang melanda negara masakini.

Ceramah yang bertajuk 'Current Situation And Expected

bermulanya krisis mata wang dan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, ramai di kalangan rakyat Malaysia cenderung dan mengikuti perkembangan ekonomi seperti pelaburan, tukaran wang dan sebagainya. Beliau yang juga Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara - MTEN menyatakan

menambah peruntukan pembangunan kearah meningkatkan lagi kecairan dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Seminar ini telah mendedahkan permasalahan dan tindakan susulan yang dilakukan oleh ahli-ahli ekonomi dalam memulihkan kesan kelembapan ekonomi negara. Selain mendapat pendedahan dan pengalaman baru, seminar ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan JUPEM dan ahli-ahli ISM.

Turut hadir di seminar ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Othman Baba, pegawai-pegawai kanan JUPEM dan kementerian.

Malaysian Geodetic Surveying - (Part-1)

THIS article is a review of the evolution of the Malaysian Geodetic Surveying and the purpose is to give an insight into the applications. The ultimate goal of geodetic networks of the country is providing the control essential for its mapping and charting programs. Closely related to the mapping responsibility is the requirement for position boundaries-international, national state and smaller political subdivisions. To avoid extensive litigation over border or boundary disputes the geodetic data must be of highest accuracy and reliability.

Concepts and Definitions

Reference Surface

Surveying requires the adoption of reference surfaces to which points surveyed on the irregular surface of Earth may be related. These surfaces are used as a basis for the computation for bearing and distances between points and the areas for figures and also as datum for height.

For small areas a sphere may suffice, but for distance greater than about 100 km it is found that an ellipsoid model is preferable instead of sphere. This is to maintain the accuracy in computation demanded by the precision of observation. For this reason in geodetic surveying earth is considered as ellipsoid (ellipse rotated about its minor axis) is adopted as an approximation of the size and shape of the Earth.

The geodetic reference used in Malaya is Modified Everest Ellipsoid which is also known as Malayan Ellipsoid. The Everest Ellipsoid was originally defined in Indian Yards and the when

conversion to meters was done for MRT and the Chaney & Benoit 1896 factor was taken into account instead of the factor for Indian Yards. This was named as Modified Everest Ellipsoid.

In early days four surveying techniques:

- i. Astronomic positioning
- ii. Triangulation
- iii. Trilateration
- iv. Traverse

are generally used for the determining the exact position of points on the earth's surface. Geodesists uses astronomic positions along with other types of survey data such a triangulation and trilateration to establish precise positions. Single astronomic positions which are not interconnected by geodetic survey are of little value because they are not correlated.

The most common type of geodetic survey is known as triangulation was originally the technique used to extend control. It differs from the plane survey in that they more accurate instrument are used, instrument errors are either predetermined so that they can be compensated for in the computation, and more rigorous procedures are employed to reduced observational errors. The positions established by triangulations are mathematically related to each other.

What is triangulation?

Basically, triangulation consists of the measurement of the angles of a series of triangles. The principle of the triangulation is based on the simple trigonometric procedures. If the distance along one side of a triangle and the angles at each

end of the side is accurately measured the other two sides of every triangle can be computed. The measured side of the base triangle is called a base line.

History of Triangulation of Peninsular Malaysia

In the early days land were mainly alienated for tin mining and for agricultural purposes in the State of Perak. Some of these lands were isolated, and various proposals were suggested to carry out triangulations mainly to provide control for the land office surveys.

During the period of 1888 and 1896, a Trigonometrical Survey was conducted in Perak Penang and Kedah for the purpose of controlling cadastral survey. This system is known as PERAK SYSTEM which has a baseline measured in Larut, astronomical observation for latitude and Azimuth at Scott's Hill near Taiping and on a latitude at Fort Cornwallis in Penang.

In 1899 the triangulation was further extended southwards which had eventually spread over the whole country. The second system of triangulation known as ASA SYSTEM, was base on a Base Line measured at Tanjung Malim, latitude, longitude and azimuth at Bukit Asa.

These two triangulations were found to be not of high accuracy throughout the network. There was a difference between the longitudes of points common to the two system increased rapidly for Asa northwards until it reached 71 feet in North Perak. This led to the introduction First Order Triangulation to overcome the unaccountable differences between Standard traverses and

Triangulation.

By 1908 the Trigonometrical Survey Department have traversed 1,491 miles mainly on the western side of the main range of the country. The major Triangulation of Pahang was completed in 1909. The triangulation was extended to the new Siamese boundary in 1910. The Johor major Triangulation connected from Pahang boundary to Singapore was completed in 1911. In 1912 triangulation survey connecting Kedah-Perlis with Admiralty Triangulation of coast and islands off Perlis to provide points for determination of western sea extension of boundary.

Anglo-Siamese Boundary Commission (1909 -1913)

Under this treaty, Siam transferred the administrative rights to British for the States of Kelantan Trengganu, Kedah and Perlis. This arises the need for delimitation of the new boundary. Under Colonel Jackson who was then the First Chief Surveyor of Federated Malay States (FMS) was appointed as President of British Party to the Anglo-Siamese Boundary Commission in 1909. The demarcation of land boundary of 352 miles of which 61 miles were midstream of Sungai Golok was completed in October 1912.

Primary Triangulation Malaya 1913-1916

This revision of the triangulation was done by higher precision instrument using the Repsold 10 inch micrometer theodolite. The chain of primary triangulations known as Repsold Triangulation which ran through the country. It consists of chain from Thailand

border running through Kedah Perak Pahang Negeri Sembilan and Johore to Singapore, with the secondary chain from north Pahang to north Kelantan. The error of an observed angle obtained from the triangular misclosures is 0.38" which is good considering good at that time.

In 1948 it was decided to have one common system due to inaccuracy in the older triangulations and in particular there was a substantial difference in geographical position between the common points of the Asa and Perak Systems. It was found that that latitude differences was not suitable for mapping purposes. Then it decided to alter the latitude and longitude of Origin of Repsold Triangulation (Kertau). This change gave rise to Malayan Revised Triangulation.

Connections to the Neighboring Triangulations 1937-1946

A connection between Malayan Primary Triangulation and Riouw Triangulation were made by the Dutch in 1937. The difference between the two system was :-

Malaya - Riouw Latitude
= + 01".42

Malaya - Riouw Longitude
= + 13".27

The Triangulation system of Malaya were connected to Thailand in early 1946 and the difference then obtained was:-

Malaya - Siam Latitude = +11".09

Malaya - Siam Longitude = - 08".24

The Malayan Revised Triangulation (MRT 48) (1948 - 1963)

This triangulation is based on the Repsold Triangulation. This consist of 77 geodetic, 239 primary and 708 secondary tertiary points. Since the Repsold Triangulation was of geodetic order, it was used as a base for the new system. The adjustment of the figures of Repsold Triangulation as detailed in the Primary Triangulation of Malaya was not changed but the latitudes of all point were recomputed and this resulted in a constant correction for all the points. Latitude and Longitude value were change 3.5" and 0.10" respectively.

Previously Cassini - Solder projection were used for mapping but in a decision was made to change the map projection to Rectified Skew Orthomorphic (RSO) system. Due to the inaccuracy of the existing network and there no total network coverage for the whole country it was then decided to have one common system.

The Malayan Revised Triangulation (MRT) has been used as the geodetic base for geodesy mapping cadastral and several other scientific activities since 1948. The figure of Earth (Spheroid) adopted for MRT is Everest Spheroid but on the Malayan Rectified Skew Orthomorphic Projection.

The Malayan Revised Triangulation (MRT 68) (1963-1968)

In 1963, the American Mapping Services (AMS) had completed the preliminary adjustment of Thailand primary stations to

Penyusunan Semula Struktur Organisasi JUPEM

ke arah sebuah organisasi yang mantap, dinamik dan mesra pelanggan

BERIKUTAN dengan peranan JUPEM yang semakin penting dan mengikut perkembangan semasa, satu kertas cadangan bagi penyusunan semula struktur baru telah dikemukakan ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 25 Mei 2001.

Lanjutan daripada itu, beberapa siri taklimat dan lawatan oleh pihak Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam telah diadakan di Ibu Pejabat, Pulau Pinang dan Kota Bharu. Seterusnya pada 19 Februari 2002, pihak JPA telah membentangkan cadangan penstrukturan baru JUPEM di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tertinggi (JKTT) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Berkuatkuasa mulai 16 Mei 2002, JUPEM telah melaksanakan penyusunan semula struktur barunya yang telah diluluskan oleh Jabatan



Perkhidmatan Awam melalui Waran Perjawatan Bil:E 20 Tahun 2002 mengikut Seksyen 15(a) Akta Prosedur Kewangan 1957.

Struktur baru ini menggantikan struktur yang dilaksanakan sejak tahun 1994 berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB). Ini merupakan penstrukturan kali ke dua sejak pelaksanaan SSB dan ianya adalah di antara jabatan kerajaan yang terawal melaksanakannya di abad baru ini. Pelaksanaannya adalah lebih menjurus kepada

pengembangan perkhidmatan, penyediaan dan penyebaran maklumat geospasial yang efisien dan berkesan. Namun begitu, JUPEM terus mengekalkan objektif dan fungsi utama dalam dua aktiviti iaitu kadaster dan pemetaan.

Di bawah struktur baru ini, JUPEM dibahagikan kepada tiga program iaitu Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Bahagian Pemetaan dan Bahagian Kadaster.

Konsep penyusunannya adalah



berdasarkan 'zero base' di mana penekanan dibuat kepada kehendak fungsi program utama JUPEM. Ia dirancang sedemikian supaya tiada pertindihan tugas sama ada di peringkat program ataupun seksyen-seksyen di bawahnya. Sementara itu, seksyen-seksyen yang terletak di bawah Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan adalah berperanan dalam melaksanakan dasar pengurusan dan pembangunan secara keseluruhan.




Pelbagai sudut dan aspek serta beberapa elemen baru telah diambil kira dan dimasukkan ke arah menjadikan sebuah organisasi yang mantap,

dinamik dan mesra pelanggan. Penyusunan semula ini telah menyebabkan penambahan bilangan kakitangan daripada 4433 kepada 4972 iaitu penambahan kakitangan

sebanyak 539 dan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM 10.853 juta setahun. Selain itu, 1 jawatan Penasihat Undang-undang telah diwujudkan dan diletakkan terus di bawah seliaan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Terdapat satu perubahan besar dalam penstrukturan semula ini di mana JUPEM akan melaksanakan dengan sendiri urusan yang melibatkan perkhidmatan dan kewangan. Sebelum ini, urusan perkhidmatan dan kewangan dilaksanakan oleh kementerian.

JAWATAN	SEMASA	BARU	TAMBAHAN
Juruukur Gred Utama	2	4	2
Juruukur Gred 1	9	21	12
Juruukur Gred 2	35	58	23
Juruukur Gred 3	138	180	42
Sokongan I	384	587	203
Sokongan II	1603	1667	64
Sokongan III	2262	2455	193
JUMLAH	4433	4972	539



Anugerah Khidmat Cemerlang 2001

198 kakitangan terima sijil penghargaan



rajin dan efisien serta berterusan.

Sehubungan dengan itu, JUPEM telah mengadakan pada Majlis AKC 2001 pada 24 Jun 2002 bertempat di Hotel Renaissance, Melaka B a n d a r a y a Bersejarah. Seramai 198 orang kakitangan dari kumpulan sokongan telah dipilih untuk menerima AKC yang melibatkan 79 mendapat pergerakan

PENGIKTIRAFAN dan penghargaan kepada kakitangan JUPEM yang telah menampilkan kecemerlangan perkhidmatan dalam melaksanakan kerja dan tanggungjawab disalurkan melalui Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC). Penganugerahan ini diharapkan menjadi pendorong kepada barisan kakitangan yang lain untuk terus menjalankan tanggungjawab dengan tekun,

gaji secara melintang dan 119 menegak. Majlis penganugerahan ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Hamid Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

Dalam ucapan alu-aluan, Y. Bhg. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan telah menyatakan bahawa pihak pengurusan JUPEM akan memperkenalkan Anugerah KPU di musim akan datang. Anugerah ini adalah untuk kakitangan yang

mempunyai prestasi cemerlang tetapi tidak disenaraikan untuk menerima AKC di tahun berkenaan

Majlis ini juga turut meraikan 11 orang kakitangan yang akan bersara pada tahun 2002. Majlis yang julung kali diadakan ini adalah bagi memberikan penghargaan ke atas sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatannya yang kebanyakannya telah melebihi 30 tahun. Majlis diserikan dengan persembahan mantap nyanyian 5 buah lagu oleh Kumpulan Koir JUPEM.

Turut hadir di majlis ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Y. Bhg. Datuk Osman Baba, semua Pengarah Ukur Negeri, Ketua Seksyen dan pegawai kanan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Berikut disenaraikan nama-nama penerima AKC bagi kategori melintang.

Mohd. Asman Jemo
Pem. Teknik J4
Sarawak

Mazlan Mohamed
Pem. Teknik J4
Ibu Pejabat



Mohd. Pauzi Yaacob
Pem. Teknik J 5
Kelantan

Ideris Sehat
Juruteknik J6
Johor

Mansor Samad
Juruteknik J7
Negeri Sembilan

Hamdan Wahab
Pem. Teknik J5
Kedah

Maznah Senawi
Juruteknik J6
Kelantan

Mohd. Zibidi Yahaya
Juruteknik J7
Perak

Orbit Lumpiau
Pem. Teknik J5
Sabah

Normala Yusoff
Juruteknik J7
Kelantan

Mahani Said
Juruteknik J7
Perak

Panneerchelvam a/
Givindasamy
Pem. Teknik J5
Perak

Noor Sanusi Hassan
Juruteknik J7
Kelantan

Zamri Rani
Juruteknik J7
Pahang

Sufian Shuib
Pem. Teknik J5
Topo Wil. Utara

Zulkifli Saidin
Juruteknik J7
Pulau Pinang

Zakaria Awang Hitam
Juruteknik J7
Pahang



Mohd. Nizam Soho
Juruteknik J7
Selangor

Ramli Jaafar
Pem. Teknik J5
Johor

Che Su Din
Juruteknik J7
Terengganu

Ahmad Abdullah
Juruteknik J7
Pahang

Siti Rokiah Abdullah
Juruteknik J7
Selangor

Mohd. Azmi Mokhtar
Pem. Teknik J5
CAMS

Din Abd. Rahman
Juruteknik J7
Terengganu

Nur Suraimeee Ahmad
Juruteknik J7
Pahang

Saidin Zakaria
Juruteknik J7
Penyelidikan Peta

Sariam Hj. Othman
Pem. Tadbir N6
Melaka

Paudziah Bahari
Juruteknik J7
Terengganu

Mohd. Tarmizi Ayob
Juruteknik J7
Topografi Semenanjung

Abdul Rahman Ahmad
Juruteknik J7
Fotolito

Sit Hou Chin
Juruteknik J6
Kedah

Shahidin Yaacob
Juruteknik J7
Kedah

Abdul Rahman Mohamad
Juruteknik J7
Geodesi

Azmi Ariffin
Juruteknik J7
Kartografi

Sharipah Othman
Juruteknik J6
W.P Kuala Lumpur

Osman Abu Bakar
Juruteknik J7
Kedah

Suhaimi Yusoff
Juruteknik J7
Geodesi

Wan Mahani Wan Hassan
Juruteknik J7
Kartografi

Mohd. Shaman Jaes
Juruteknik J6
Johor

Zainal Abidin Mohd. Isa
Juruteknik J7
Negeri Sembilan

Ibrahim Jaffa
Juruteknik J7
Johor

Abdul Razak Hj. Awang
Pem. Tadbir N9
Topografi Wil. Utara

Hishammudin Dasuki
Juruteknik J6
CAMS

Han Juat Wah
Juruteknik J7
W.P Labuan

Mohamad Azmi Zainal
Juruteknik J7
Selangor

Abdul Wahid Mohamad Nor
Pem. Tadbir N9
Terengganu

Bersambung ke m/s 19



JUPEM anjur Bengkel Tatatertib bincang tatakara pertuduhan peringkat awal

TATATERTIB yang digariskan dalam Perkhidmatan Awam untuk kakitangan adalah satu perkara yang harus diurus rapi dan ditadbir dengan bijaksana. Pelaksanaannya yang teratur dapat membentuk peribadi kakitangan yang berdisiplin beretika dan cemerlang.



Dalam hubungan ini, JUPEM telah menganjurkan Bengkel Tatatertib Di Peringkat Pegawai Pelapor pada 21-23 Mei 2002 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Genting Highlands, Pahang. Bengkel ini merupakan siri ke dua lanjutan daripada bengkel pertama yang diadakan di Lumut pada 10 - 12 September 2001 yang mendapat kerjasama dari Bahagian Tatatertib, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Seramai 38 orang yang terdiri daripada semua Jurukur Daerah dan Penolong Pengarah Ukur Topografi Wilayah telah menyertai bengkel ini. Kumpulan yang terlibat dengan bengkel ini merupakan kumpulan pegawai yang paling hampir dengan pelaku kesalahan tatatertib iaitu

Kumpulan Sokongan III Bengkel ini telah mendedahkan secara terperinci tatakara pertuduhan peringkat awal ke atas sesuatu kes tatatertib berikutan terdapatnya

unsur salah laku di kalangan kakitangan mengikut peruntukan Perintah Am dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan.

Peserta-peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan untuk membuat penyelesaian dan persembahan ke atas kes yang diberikan. Pelbagai pendapat dan tafsiran yang dibentangkan dalam



persembahan oleh kumpulan-kumpulan telah mendapat reaksi positif dari peserta sehingga menjadi satu sesi perbincangan yang hangat.

Sebagai rumusan di akhir bengkel, fasilitator berpuas hati dengan perjalanan serta pencapaian matlamat bengkel yang diadakan. Seterusnya beliau mengharapkan agar pengalaman dan kefahaman yang diperolehi dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kakitangan.



Kerjaya Ukur Tanah Di Laman Minda

membicarakan kelayakan akademik seorang juruukur

PENYEBARAN maklumat yang tepat berkaitan dengan sesuatu kerjaya adalah usaha yang perlu dan harus diteruskan dalam menarik minat dan kefahaman masyarakat umum. Dalam hubungan ini, perbincangan kerjaya berkaitan dengan Juruukur Tanah telah berlangsung melalui Laman Minda pada 9 Mei 2002 jam 12:00 tengahari.

Laman Minda adalah satu rancangan pendidikan disiarkan secara langsung selama sejam oleh Astro Ria. Rancangan Laman Minda yang membicarakan mengenai kerjaya seorang Juruukur Tanah di Malaysia. Ini dipengerusikan oleh Hasrin Katuk, manakala ahli panelnya adalah terdiri dari dua tokoh yang tidak asing lagi dalam profesion ukur tanah iaitu Dr. Abdul Kadir Taib, Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan) JUPEM dan Prof. Madya Dr. Jasmee Jaafar, Ketua Jabatan Sains Ukur & Geomatik, UiTM, Shah Alam.

Perbincangan adalah berkisar dengan kelayakan minima untuk mengikuti kursus ukur tanah bagi peringkat sijil, diploma, sarjana muda di Intitusi Pengajian Tinggi Awam, Malaysia. Dalam pada itu,



penerangan juga diberikan berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar dan perlu diambil oleh penuntut, latihan amali dan lain-lain perkara yang diambilkira bagi melayakkan seseorang penuntut itu dianugerahkan sijil setelah selesai manamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Laman Minda juga membicarakan peranan dan keperluan juruukur dalam pembangunan negara di samping peranan yang dimainkan oleh pertubuhan profesional seperti Pertubuhan Jurukur Malaysia - ISM dan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia-LJT.

Penonton juga diberi peluang untuk berinteraksi dengan ahli panel menerusi talian telefon yang disediakan.

Bidang Ukur dan Pemetaan mula berkembang di negara ini sekitar tahun 1928 lanjutan daripada satu khemah kerja ukur yang diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan. Di atas kesedaran dan keprihatinan pihak berkenaan di ketika itu, usaha-usaha telah dilakukan yang menjurus kepada penubuhan Sekolah Teknik di Kuala Lumpur dan terus berkembang menjadi sebuah Maktab Teknik, Institut Teknologi Kebangsaan dan seterusnya Universiti Teknologi Malaysia yang ada sekarang.

Dari m/s 9

South Asia Datum and offered assistance to finalized the internal readjustment computation and integration of MRT by Electronic Data Processing to connect Malaya to South Asia Datum. During these period the Survey Department of Malaya forwarded data to AMS

and delivered 3 volumes of trigonometrical data list.

According to the astronomical observation carried out by American Mapping Services (AMS) at Datum origin (Kertau) the vertical deflection and original azimuth do not satisfy Laplace's

condition. The residual was about 12 arc seconds. This indicates there is could be a possibility that Z axis of MRT is not pointing to Greenwich meridian. The internal precision of the network was about 30 ppm by closure of base line lengths.

Lawatan Kerja Ke Vietnam

Memberi dimensi baru dalam urus tadbir di JUPEM



PENGALAMAN dalam bertukar pendapat dengan lain agensi luar dapat memberikan dimensi baru dalam melaksanakan urus tadbir ke arah mewujudkan sebuah organisasi yang berdaya saing. Dalam hubungan ini, Pegawai Kanan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan JUPEM telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Vietnam pada 31 Mac - 6 April 2002. Rombongan ini diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian tanah dan Pembangunan Koperasi Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Nik Zain Hj. Nik Yusof manakala JUPEM pula diwakili oleh Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan) Dr. Abdul Kadir Taib.

Lawatan kerja ini adalah atas jemputan rasmi oleh Ketua Pengarah *General Development Land and Administration - GDLA* dan lawatan balas daripada beberapa siri lawatan kerja ke Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan JUPEM. Vietnam merupakan sebuah negara anggota ASEAN yang mempunyai banyak persamaan dengan Malaysia.

Oleh kerana terdapat banyak jabatan dan unit dalam GDLA, maka deligasi hanya membuat lawatan di beberapa jabatan dan unit yang terletak di Hanoi dan Ho Chi Minh City sahaja. Ketika lawatan, deligasi diberi taklimat berkaitan dengan fungsi, operasi dan teknologi yang digunakan

di bahagian-bahagian berkenaan.

Melalui program lawatan kerja ini, deligasi dapat berkongsi pengalaman dan bertukar pendapat di samping mendapat pendedahan dalam penggunaan aplikasi kerja, sistem, peralatan dan teknologi terkini yang digunakan.

Dalam aturcara yang lain, deligasi telah membuat kunjungan hormat ke atas Duta Besar Malaysia di Hanoi dan Konsulate General Malaysia di Ho Chi Minh City. Deligasi juga melawat Cu Chi Tunnel terletak 70 km dari Ho Chi Minh City yang merupakan peninggalan sejarah di Vietnam.



Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand

93% Kawasan Keutamaan VIII D meliputi jarak sepanjang 13 km disiapkan



JAWATANKUASA Teknikal Bersama Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand telah mengadakan Mesyuarat Ke 40 pada 5 - 7 Februari 2002 di Chiang Rai, Thailand. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Y. Bhg. Dato' Hamid Ali telah mengetuai perwakilan Malaysia manakala perwakilan Thailand diketuai oleh Lt. Gen. Prasat Burintrwatana, *Director Royal Thai Survey Department*.

Mesyuarat selama tiga hari ini berlangsung dalam suasana penuh kemesraan dan persefahaman. Dalam ucapan aluan-aluan mesyuarat, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan telah menyatakan bahawa kerja-kerja penandaan dan pengukuran di sepanjang Sungai Golok telah berjalan lancar mengikut jadual dan perancangan.

Menurutnya lagi, kesefahaman dan kerjasama yang erat dari semua pihak yang terlibat dapat menyelesaikan masalah baru

yang mungkin timbul dalam kerja-kerja penandaan dan pengukuran dijalankan. Di samping itu kerjasama ini juga harus dikekalkan agar dapat meneruskan kerja-kerja siasatan, tanam pastian dan penyelenggaraan bersama ke atas tanda-tanda sempadan bersama yang telah dimulakan sejak 1993 dan di masa akan datang.

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan telah melahirkan rasa bangganya dan merakamkan ucapan penghargaan kepada Pengarah Projek dan semua yang terlibat kerana telah melaksanakan tugas dengan cemerlang. Penglibatan dan komitmen padu serta usaha-usaha yang dilakukan telah berjaya menyenggara tanda sempadan akibat hilang atau berganjak dari kedudukan asal.

Ketika ini kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan tetap dan kekal di sepanjang Sungai Golok bagi Kawasan Keutamaan

VIII D telah mencapai 93% siap. Kawasan Keutamaan VIII D ini meliputi jarak sempadan sepanjang 13km. Manakala bakinya selebihnya masih dalam peringkat penyediaan *Field Plan*. Keseluruhan jarak Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand di sepanjang Sungai Golok adalah 95 km.

Sementara itu, usaha-usaha mendokumentasikan rekod persejarahan penandaan dan pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand sedang giat dijalankan. Ketika ini kedua-dua belah pihak sedang mengumpul maklumat secara berperingkat dan mengikut tajuk yang telah dipersetujui. Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand ditentukan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani bersama oleh Kerajaan British dan Siam pada 10 Mac 1909. Penandaan dan pengukuran bagi sempadan darat sepanjang 551 km telah dimulakan pada 6 Julai 1973 dan berakhir pada 26 September 1985.

Isu Hakmilik Pulau-Pulau Sipadan dan Ligitan

Kes tuntutan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di ICJ dari 3 - 12 Jun 2002

LANJUTAN daripada perisytiharan Peta Baru Malaysia 1979 yang menunjukkan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan sebagai hakmilik Malaysia melalui pemberitahuan Warta Kerajaan No:5745 bertarikh 21 Disember 1979, Indonesia telah membuat bantahan rasmi pada 8 Februari 1980 mengenai perkara ini. Di antara lain, kandungan bantahan tersebut adalah seperti berikut;

“Pemerintah Indonesia telah mempelajari dengan cermat garis-garis batas-batas yang ditunjukkan dalam peta-peta dan mencatat dengan penyesimalan yang dalam dan kekecewaan yang sangat bahawa Pemerintah Malaysia telah menarik garis batas landas kontinen Malaysia dilaut Sulawesi, sebelah Timur dari kalimantan Timur, dengan menggunakan pulau-pulau Indonesia Sipadan dan Ligitan sebagai titik-titik pangkal. Tindakan ini yang diambil secara sepihak, jelas bertentangan dengan pengertian yang telah dicapai dalam perundingan-perundingan antara Malaysia dan Indonesia tentang penentuan garis-garis batas landas kontinen antara kedua Negara, yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1969. Pada waktu itu ada pengertian antara Delegasi Malaysia dan Indonesia bahwa kerana tidak ada kesepakatan yang dicapai tentang pemilikan atau hak milik atas pulau-pulau Sipadan dan Ligitan, kedua delegasi telah sepakat untuk sementara waktu mengesampingkan soal penentuan garis batas di daerah itu.

Tindakan Malaysia untuk menarik secara sepihak dan sewenang-wenang batas-batas perairan territorial dan landas kontinen di selat Melaka dan Selat Singapura, Laut China Selatan dan Laut Sulawesi adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip hukum international dan praktik Negara yang berlaku maupun hukum laut yang baru yang sedang berkembang dalam konperansi Perserikatan Bangsa-bangsa tentang Hukum Laut.

Oleh kerana itu Pemerintah Indonesia menolak keabsahan klaim kedaulatan dan yurisdiksi Malaysia sebagaimana ditunjukkan dalam peta-peta yang dimaksudkan di atas, termasuk klaim kedaulatan atas pulau-pulau Indonesia Sipadan dan Ligitan”

Berikutan dari itu, di dalam Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1992 persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan Kumpulan Kerja Bersama di antara Malaysia dan Indonesia bagi membincangkan tuntutan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan. Dalam hubungan ini, JUPEM merupakan ahli bagi Kumpulan Kerja Bersama Perundingan Mengenai Pulau Sipadan dan Ligitan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Setelah berunding sebanyak tiga kali, didapati kemajuan yang dicapai oleh Kumpulan Kerja Bersama ini agak kurang menggalakkan. Ini telah mendorong pihak Malaysia mengesyorkan agar kedua-dua belah pihak merujuk kepada Kerajaan masing-masing supaya dilantik pihak ketiga bagi menyelesaikan pertikaian ini seperti *International Court of Justice (ICJ)*. Dalam hal ini pihak Indonesia menyatakan bahawa jika pihak ketiga hendak dilibatkan maka pihaknya berpendapat pihak ketiga yang akan dilantik itu sewajarnya daripada ‘ASEAN High Council’ dan bukannya ICJ.

Dalam perkembangan selanjutnya, pihak Indonesia telah mencadangkan agar perundingan dua hala mengenai pertikaian ini diteruskan tetapi tidak menerusi Kumpulan Kerja Teknikal, sebaliknya menerusi ‘Special Envoys’. YAB Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan ini dan telah melantik YAB Timbalan Perdana Menteri sebagai wakil di pihak Malaysia. Sementara di pihak Indonesia pula telah melantik

Pulau Sipadan



Menteri Sekretaris Negara sebagai wakil bagi tujuan ini.

Kedua-dua wakil berkenaan telah mengadakan beberapa siri rundingan bagi mencari jalan penyelesaian ke atas pertikaian ini. Lanjutan dari itu, kedua-dua wakil tersebut telah menyiapkan deraf minit-minit perbincangan mereka yang terkandung di dalamnya cadangan-cadangan ke arah penyelesaian untuk dimajukan kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia bagi pertimbangan mereka. Sementara itu, Presiden Suharto dalam lawatan kerja ke Malaysia pada 6 - 7 Oktober 1996 turut membincangkan mengenai perkara ini dengan YAB Perdana Menteri dan kembali bersetuju untuk membawa perkara tersebut ke pihak ICJ.

Kes tersebut telahpun dimajukan ke pihak ICJ oleh kedua-dua buah negara di mana mereka telah mengemukakan secara berasingan memorial yang mengandungi argumen tuntutan masing-masing.

Perbincaraan kes tuntutan Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di ICJ telah dijalankan dari 3 hingga 12 Jun 2002 yang lalu.

Pulau Ligitan



Dari m/s 13

Mohd. Fauzi Ahmad Pem. Tadbir N9 Kedah	Mohd. Zainal Yaacob Pek. Rendah Awam R10 Johor	Shaffi Arip Pek. Rendah Awam R11 Sabah	Rohimi Abdullah Pek. Rendah Awam R11 Topografi Wil. Timur
Badariah Mohd. Khalid Op. Mesin Prosesan Data F9 Ibu Pejabat	Mohd. Noor Samsusah Pek. Rendah Awam R10 Selangor	Ashmil Ashmad Pek. Rendah Awam R11 Sabah	Mohamad Ibrahim Pek. Rendah Awam R11 Topografi Wil. Selatan
Abd. Jabar Mohd. Saad Pek. Rendah Awam R10 Kedah	Mohamad Noh Pek. Rendah Awam R11 Kelantan	Saidih Gomulu Pek. Rendah Awam R11 Sabah	Zaharin Zainun Pek. Rendah Awam R11 Johor
Hanafi Tomy Pek. Rendah Awam R10 Sarawak	Ismail Ibrahim Pek. Rendah Awam R11 Kelantan	Abd. Rahman Jauhari Pek. Rendah Awam R11 Negeri Sembilan	Rosalin ak Nawi Pem. Tadbir Rendah N11 Sarawak
Sahudin Mat Zin Pek. Rendah Awam R10 Perak	Mohd. Saedi Ismail Pek. Rendah Awam R11 Kelantan	Radzuan Muslim Pek. Rendah Awam R11 Negeri Sembilan	Harun Abdullah Pem. Am Rendah N13 Terengganu
Mohd. Razak Ismail Pek. Rendah Awam R10 Perak	Halimi Othman Pek. Rendah Awam R11 Pulau Pinang	Yusoff Mohamad Pek. Rendah Awam R11 Perak	Desa Hussain Pem. Am Rendah N13 Perak
Razali Abd. Ghafar Pek. Rendah Awam R10 Pahang	Mohamed Saberi Jusoh Pek. Rendah Awam R11 Terengganu	Johari Yaakob Pek. Rendah Awam R11 Pahang	
Hasan Md. Yatim Pek. Rendah Awam R10 W.P Kuala Lumpur	Mohd. Rozali Mamat Pek. Rendah Awam R11 Terengganu	Mohamed Rashid Ariffin Pek. Rendah Awam R11 Pahang	
Karponan Saliman Pemandu R10 Johor	Samad Saad Pek. Rendah Awam R11 Melaka	Abdul Satar Mohd. Kassim Pek. Rendah Awam R11 Topografi Wil. Barat	



JUPEM anjur Kempen Derma Darah

58 pek darah telah berjaya dikumpul daripada kakitangan & masyarakat setempat



Terdapat di kalangan kita yang takut apabila diminta untuk menderma darah dengan alasan bimbang akan kehabisan darah. Hakikatnya, seseorang itu tidak akan kehabisan darah dengan hanya sekali menderma. Tidak ramai yang tahu bahawa setiap kali seseorang menderma darah, sel darah merah baru akan terbentuk bagi menggantikan sel darah yang keluar. Setiap sel darah manusia yang ada hanya mempunyai jangka hayat selama 120 hari dan akan mati apabila sudah matang. Sel mati itu akan mengalir dalam darah. Bagi seorang penderma yang sihat, keadaan kesihatannya akan kekal selepas menderma darah malah ianya membantu membina sel darah merah baru yang sihat.

KESIHATAN dan pemakanan adalah dua perkara yang sinonim dan merupakan elemen utama bagi menjadikan seseorang itu dapat menjalani kehidupannya dengan ceria dan positif. Dalam hubungan ini, pada 13 April 2002, JUPEM telah menganjurkan program khidmat masyarakat iaitu Kempen Menderma Darah. Program khidmat masyarakat ini dilaksanakan sebagai menyahut seruan kerajaan agar menganjurkan lebih banyak aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada masyarakat.

Dengan kerjasama dari Pusat Darah Negara yang diketuai oleh Dr. Wan Azizah, program ini telah diadakan di Dewan Ukur bermula jam 9:00 pagi dan berakhir jam 2:00 petang dan berjaya menarik ramai peserta terdiri daripada kakitangan JUPEM meliputi semua peringkat dan masyarakat sekitar Ibu Pejabat. Sejumlah 58 pek darah telah berjaya dikumpul dari kempen ini.

Bagi penderma dengan berat antara 45 hingga 50 kg sebanyak 250 ml darah sahaja akan diambil manakala mereka yang melebihi 51 kg pula, jumlah darah yang akan diambil adalah 450 ml. Oleh itu kita tidak perlu bimbang untuk menderma darah kerana amalan ini baik untuk kesihatan malah memberikan kesan psikologi yang positif. Akhirnya kita akan berasa gembira kerana sudah melaksanakan tanggungjawab sebagai masyarakat yang prihatin dan pepatah ada mengatakan 'memberi adalah lebih baik daripada menerima'.



Sumbangan anda adalah dialu-alukan bagi menjadikan penerbitan Berita Ukur lebih luas dan padat - Sidang Pengarang